

# MOTIVASI KESUKARELAWAN: KE ARAH MEMUPUK SEMANGAT KESUKARELAWAN MELALUI PENGLIBATAN AKTIVITI PISPA DALAM KALANGAN PELAJAR KOLEJ KOMUNITI MELAKA, NEGERI SEMBILAN DAN JOHOR

Azizi Mohd Zain<sup>1</sup>, Siti Normah Suib<sup>2</sup>, Aryati Ramlan<sup>3</sup>, Noor Amira Isa<sup>4</sup>, Naida Rosli<sup>5</sup>

<sup>1</sup>Kolej Komuniti Batu Pahat, Malaysia  
[azizmohdzain@yahoo.com.my](mailto:azizmohdzain@yahoo.com.my)

<sup>2</sup>Kolej Komuniti Batu Pahat, Malaysia  
[sitinormah2979@gmail.com](mailto:sitinormah2979@gmail.com)

<sup>3</sup>Kolej Komuniti Batu Pahat, Malaysia  
[ary\\_ati80@yahoo.com](mailto:ary_ati80@yahoo.com)

<sup>4</sup>Universiti Tun Hussein Onn Malaysia  
[nooramira1992@gmail.com](mailto:nooramira1992@gmail.com)

<sup>5</sup>Universiti Tun Hussein Onn Malaysia  
[n24061991@yahoo.com.my](mailto:n24061991@yahoo.com.my)

**Abstrak:** Golongan pelajar yang menuntut di kolej komuniti merupakan aset penting kepada pembangunan dan hala tuju sesebuah negara. Justeru itu, pelajar yang dilahirkan oleh Institut Pengajian Tinggi(IPT) ini perlu memiliki personaliti yang hebat dan berketrampilan. Salah satu usaha yang dapat membantu pembangunan keterampilan pelajar adalah melalui penglibatan mereka di dalam badan beruniform. Secara khususnya, kajian ini bertujuan untuk mengetahui pandangan pelajar yang menyertai badan beruniform terhadap semangat kesukarelawan yang terbentuk sepanjang mereka berada dalam badan beruniform tersebut. Kajian ini dilakukan bagi mengenalpasti faktor-faktor motivasi kesukarelawan yang berjaya disemai dalam penglibatan badan beruniform seterusnya kesan motivasi kesukarelawan kepada para pelajar tersebut. Seramai 145 orang pelajar yang menyertai badan beruniform PISPA di Kolej Komuniti Melaka, Johor dan Negeri Sembilan dipilih sebagai responden kajian. Analisis kuantitatif mendapati terdapat enam elemen faktor motivasi kesukarelawan (nilai, kefahaman, kerjaya, sosial, perlindungan dan peningkatan diri) dan lapan elemen kesan motivasi (nilai, kefahaman, kerjaya, sosial, perlindungan, peningkatan diri, kepuasan dan niat jangka panjang) yang dapat dibentuk sepanjang menyertai badan beruniform ke arah memupuk semangat kesukarelawan melalui penglibatan aktiviti PISPA dalam kalangan pelajar kolej komuniti. Faktor dan kesan motivasi menyertai PISPA paling dominan ialah kerjaya dan peningkatan diri. Kajian ini telah membuktikan bahawa penyertaan pelajar dalam badan beruniform dapat membentuk semangat kesukarelawan dalam kalangan diri mereka berdasarkan elemen elemen kesukarelawan yang telah dikaji.

**Katakunci:** *semangat kesukarelawan, badan beruniform, aktiviti kokurikulum, pelajar kolej komuniti*

## 1. Pengenalan

Dalam melahirkan mahasiswa yang berkualiti, institusi pendidikan dilihat sangat berperanan kearah pembentukan akhlak dan budaya sosial yang baik. Institusi pendidikan merupakan salah satu tempat yang mampu membentuk keterampilan dan personaliti pelajar selain

merupakan tempat untuk menimba ilmu. Para pelajar ini mampu diterapkan dengan nilai-nilai untuk menjadi seorang pemimpin yang dapat membangunkan negara kearah sebuah negara maju, sejahtera dan harmoni. Mereka perlu memiliki keterampilan, sahsiah dan jati diri yang baik agar negara dapat melahirkan generasi muda yang cemerlang serta mampu untuk mengharumkan nama negara di persada dunia. Aktiviti kokurikulum seperti kelab persatuan, pertubuhan dan badan uniform dilihat sebagai salah satu platform yang mampu menyediakan ruang dan peluang kepada pelajar dalam pembentukan kemahiran insaniah (KI) mereka (Esa et al., 2004). Menurut Abdullah (2010), kemahiran insaniah ini telah diperkenalkan dengan tujuan untuk melahirkan insan yang seimbang dengan mengembangkan bakat diri yang ada dalam setiap pelajar selari dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Kemahiran insaniah ini merangkumi beberapa karakter penting seperti daya pemikiran kritis, daya penyelesaian masalah, kemahiran interpersonal, komunikasi dan pengurusan maklumat, amalan etika, integriti, toleransi serta kreativiti. Kemahiran insaniah melalui aktiviti kokurikulum ini dapat membantu mewujudkan sumber manusia yang berkemahiran tinggi dengan lahirnya para pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan juga sosial (Tahir dan Osman, 2008). Justeru, kokurikulum yang merupakan pelengkap kepada kurikulum, sangat membantu meningkatkan potensi pembangunan diri individu (Kamis, 1993). Kegagalan pembentukan kemahiran insaniah pelajar yang baik akan menjurus kepada kepelbagaian masalah di masa hadapan seperti pekerja yang tidak amanah, jurutera yang mengamalkan rasuah dan sebagainya. Hal ini dilihat dapat mendorong kepada pembentukan sahsiah masyarakat yang kurang sihat (Puteh, 2004).

Menurut kajian Ahmad dan Esa (2010), penekanan aspek kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar bukan hanya sekadar untuk memenuhi kehendak sesebuah institusi malah ia adalah satu keperluan dalam melahirkan modal insan kelas pertama yang mampu berdaya saing, cekap, tahan lasak dan juga fleksibel apabila berhadapan dengan cabaran dan dugaan di alam pekerjaan. Kemahiran insaniah ini mampu dibentuk dalam aktiviti kokurikulum badan beruniform yang banyak ditubuhkan di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan juga di institusi pendidikan rendah seperti sekolah rendah dan sekolah menengah di seluruh Malaysia. Badan beruniform ini ditubuhkan bertujuan untuk membentuk sikap tanggungjawab didalam diri pelajar selain untuk melatih disiplin, kemandirian diri dan juga kemahiran dalam sesuatu aktiviti yang disertai oleh para pelajar. Hal ini menunjukkan aktiviti kokurikulum badan beruniform ini dapat mendatangkan kebaikan dan kelebihan bagi seseorang individu yang menyertainya.

Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk melihat keberkesanan badan beruniform dalam memupuk semangat sukarelawan melalui penglibatan aktiviti badan beruniform PISPA dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti Melaka, Negeri Sembilan Dan Johor. Khususnya, objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti faktor-faktor motivasi yang mendorong pelajar menyertai aktiviti sukarelawan PISPA di Kolej Komuniti dan seterusnya, untuk mengkaji kesan motivasi menyertai aktiviti sukarelawan PISPA di Kolej Komuniti. Kajian ini telah menggunakan Volunteer Function Inventory (VFI) oleh (Clary and Snyder, 1998).

### **1.1. Inventori Fungsi Sukarelawan (*Volunteer Function Inventory - VFI*)**

Inventori Fungsi Sukarelawan (VFI) telah dibangunkan oleh Clary, Snyder, dan Ridge pada tahun 1992 dan telah diterbitkan pada tahun 1998. Tujuan VFI adalah untuk menilai faktor motivasi sukarelawan menyertai aktiviti sukarela (Chacon *et al.*, 2017). Inventori ini mempunyai 30 item soalan yang telah dibahagikan kepada 6 skala berdasarkan 5 item. Enam skala yang diuji ialah :

- i. Nilai : merujuk kepada kemanusiaan dan altruism individu
- ii. Kefahaman: merujuk kepada motivasi sukarelawan untuk meningkatkan pengalaman, pengetahuan dan kemahiran.
- iii. Sosial: merujuk kepada motivasi sukarelawan terhadap hubungan dengan orang lain.
- iv. Kerjaya: motivasi untuk meningkatkan pengetahuan dalam bidang tertentu yang berkaitan dengan pembangunan akademik dan professional.
- v. Perlindungan: merujuk kepada perlindungan terhadap perasaan negatif seperti ego dan cara mengatasi masalah
- vi. Peningkatan diri: merujuk kepada pengetahuan dan pembangunan sendiri, secara umumnya peningkatan yang membawa kepada perasaan positif terhadap diri sendiri.

(Clary *et al.*, 1998).

## 2. Kaedah Kajian

Kajian ini memfokuskan kepada pelajar Kolej Komuniti Melaka, Negeri Sembilan dan Johor yang terlibat dengan badan beruniform PISPA. Kajian ini menggunakan borang kaji selidik sebagai alat kajian untuk mengumpulkan data responden. Borang kaji selidik ini telah dirangka berdasarkan Volunteer Function Inventory (VFI) (Clary *et al.*, 1998). Borang kaji selidik telah dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian A merupakan maklumat responden. Manakala, bahagian B merupakan soalan kaji selidik yang terbahagi kepada dua bahagian iaitu yang pertama, mengenalpasti faktor-faktor motivasi menyertai aktiviti kesukarelawan PISPA di Kolej Komuniti. Bahagian kedua merangkumi soalan kaji untuk melihat kesan motivasi menyertai aktiviti kesukarelawan PISPA di Kolej Komuniti berpandukan Volunteer Function Inventory (VFI). Skala likert telah digunakan untuk memudahkan responden menjawab soalan kaji selidik. Skala 1 sehingga 5 merupakan skala pengukuran kepada responden terhadap soalan yang dinyatakan dalam soalan kaji selidik. Edaran borang kaji selidik telah dilakukan di Kolej Komuniti Melaka, Kolej Komuniti Negeri Sembilan dan juga Kolej Komuniti Johor. Seramai 145 responden telah dipilih adalah secara rawak dalam kalangan pelajar kolej komuniti. Data ini telah dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 22.0 dengan kaedah analisis deskriptif, korelasi dan regresi berganda.

## 3. Keputusan dan Perbincangan

### 3.1 Analisis Deskriptif

Berdasarkan data kajian yang telah diperolehi melalui 145 orang responden, 77.9% (113 responden) merupakan lelaki dan 21.4% (31 responden) adalah perempuan manakala 0.7% (1 responden) tidak mengisi ruang item menyebabkan 1 data jantung responden tidak dapat diperolehi. Tempoh penglibatan aktiviti kesukarelawan PISPA di Kolej Komuniti turut diutarakan kepada responden bagi melihat sejauh mana tempoh penglibatan responden dalam aktiviti kesukarelawan memberi impak dalam faktor-faktor motivasi dan kesan penyertaan kepada diri responden. Sebanyak 57.2% (83 responden) melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelawan PISPA iaitu kurang daripada 3 bulan, manakala 17.9% (26 responden) terlibat dalam aktiviti kesukarelawan PISPA dalam tempoh 4 hingga 6 bulan. Selebihnya, 12.4% (18 responden) melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelawan PISPA dalam tempoh 1 hingga 2 tahun dan 12.4% (18 responden) tidak mengisi ruang item menyebabkan 18 data responden

bagi tempoh penglibatan aktiviti kesukarelawan PISPA di Kolej Komuniti tidak dapat diperolehi.

Jadual 1: Demografi responden

Item	Kekerapan (n)	Peratusan (%)
<b>Jantina</b>		
Lelaki	113	77.9
Perempuan	31	21.4
Data hilang	1	0.7
<b>Tempoh penglibatan aktiviti kesukarelawan PISPA di Kolej Komuniti</b>		
Kurang daripada 3 bulan	83	57.2
4 hingga 6 bulan	26	17.9
1 hingga 2 tahun	18	12.4
Data hilang	18	12.4

### 3.2 Analisis Korelasi

#### 3.2.1 Faktor Motivasi Kesukarelawan

Berdasarkan jadual 2, menunjukkan analisis korelasi antara pemboleh ubah bersandar (faktor-faktor motivasi kesukarelawan) dengan pemboleh ubah bebas (nilai, kefahaman, kerjaya, sosial, perlindungan dan peningkatan diri). Nilai r menunjukkan hubungan antara pemboleh ubah bersandar dengan lima pemboleh ubah bebas (peningkatan diri, nilai, kerjaya, sosial, dan perlindungan) adalah kuat, hubungan positif yang linear dan signifikan. Hanya pemboleh ubah bebas kefahaman ( $r = .643$ ) menunjukkan hubungan sederhana, positif linear dan signifikan.

Jadual 2: Analisis Korelasi Faktor Motivasi Kesukarelawan

	Nilai	Kefahaman	Kerjaya	Sosial	Perlindungan	Peningkatan Diri	Faktor motivasi
<b>Nilai</b>	1						
<b>Kefahaman</b>	.306**	1					
<b>Kerjaya</b>	.666**	.369**	1		p		
<b>Sosial</b>	.569**	.343**	.597**	1			
<b>Perlindungan</b>	.614**	.381**	.773**	.490**	1		
<b>Peningkatan Diri</b>	.403**	.273**	.496**	.318**	.478**	1	
<b>Faktor motivasi</b>	.754**	.643**	.843**	.710**	.817**	.704**	1

### 3.2.2 Kesan Motivasi Kesukarelawan

Berdasarkan jadual 3, menunjukkan analisis korelasi antara pemboleh ubah bersandar (kesan motivasi kesukarelawan) dengan pemboleh ubah bebas (nilai, kefahaman, kerjaya, sosial, perlindungan, peningkatan diri, kepuasan dan nilai jangka panjang). Nilai r menunjukkan hubungan antara pemboleh ubah bersandar dengan tujuh pemboleh ubah bebas (peningkatan, nilai, kerjaya, kefahaman, perlindungan, kepuasan dan nilai jangka panjang) adalah kuat, hubungan positif yang linear dan signifikan. Hanya pemboleh ubah bebas sosial ( $r = .674$ ) menunjukkan hubungan sederhana, positif linear dan signifikan.

Jadual 3: Analisis Korelasi Kesan Motivasi Kesukarelawan

	Nilai	Kefahaman	Kerjaya	Sosial	Perlindungan	Peningkatan Diri	Kepuasan	Niat Jangka Panjang	Kesan motivasi
Nilai	1								
Kefahaman	.614*	1							
Kerjaya	.478*	.517**	1						
Sosial	.448*	.493**	.618**	1					
Perlindungan	.494*	.656**	.515**	.494**	1				
Peningkatan Diri	.603*	.611**	.517**	.381**	.655**	1			
Kepuasan	.470*	.577**	.504**	.557**	.627**	.602**	1		
Niat Jangka Panjang	.429*	.454**	.446**	.351**	.468**	.485**	.337**	1	
Kesan motivasi	.734*	.801**	.734**	.674**	.810**	.816**	.759**	.746**	1

### 3.3 Analisis Regresi Berganda

#### 3.3.1 Faktor Motivasi Kesukarelawan

##### 3.3.1.1 Nilai

Berdasarkan jadual 4, menunjukkan analisis variasi (ANOVA) antara pemboleh ubah bersandar dengan pemboleh ubah bebas nilai. Nilai signifikan menunjukkan ( $p = 0.000$ ) pemboleh ubah nilai ini memberi kesan terhadap faktor motivasi. Selain itu, jadual 5 menunjukkan pekali regresi berganda antara pemboleh ubah faktor motivasi dengan pemboleh ubah bebas nilai. Nilai beta ( $\beta = .754$ ) antara dua pemboleh ubah ini menunjukkan terdapat hubungan dan signifikan antara satu sama lain.

Jadual 4: ANOVA faktor motivasi kesukarelawan dengan pemboleh ubah nilai

Model	Jumlah Kuasa Dua	df	Min Kuasa Dua	F	Sig.
Regresi	15663.930	1	15663.930	173.872	.000
Ralat	11891.720	132	90.089		
Jumlah	27555.649	133			

Jadual 5: Pekali regresi berganda faktor motivasi kesukarelawan dengan pemboleh ubah nilai

Model	Pekali Tidak Terpiawai		Pekali Piawai	t	Sig.
	$\beta$	Std. Error	Beta		
1(Pemalar)	32.934	7.008		4.699	.000
Nilai	4.350	.330	.754	13.186	.000

### 3.3.1.2 Kefahaman

Berdasarkan jadual 6, analisis variasi (ANOVA) menunjukkan antara pemboleh ubah bersandar dengan pemboleh ubah bebas kefahaman. Nilai signifikan menunjukkan ( $p = 0.000$ ) pemboleh ubah kefahaman ini memberi kesan terhadap faktor motivasi. Selain itu, jadual 7 menunjukkan pekali regresi berganda antara pemboleh ubah faktor motivasi dengan pemboleh ubah bebas kefahaman. Nilai beta ( $\beta = .643$ ) antara dua pemboleh ubah ini menunjukkan terdapat hubungan dan signifikan antara satu sama lain.

Jadual 6: ANOVA faktor motivasi kesukarelawan dengan pemboleh ubah kefahaman

Model	Jumlah Kuasa Dua	df	Min Kuasa Dua	F	Sig.
Regresi	11375.306	1	11375.306	92.800	.000
Ralat	16180.343	132	122.578		
Jumlah	27555.649	133			

Jadual 7: Pekali regresi berganda faktor motivasi kesukarelawan dengan pemboleh ubah kefahaman

Model	Pekali Tidak Terpiawai		Pekali Piawai	t	Sig.
	$\beta$	Std. Error	Beta		
1(Pemalar)	77.279	5.016		15.408	.000
Kefahaman	2.223	.231	.643	9.633	.000

### 3.3.1.3 Kerjaya

Berdasarkan jadual 8, menunjukkan analisis variasi (ANOVA) antara pemboleh ubah bersandar dengan pemboleh ubah bebas kerjaya. Nilai signifikan menunjukkan ( $p = 0.000$ ) pemboleh ubah kerjaya ini memberi kesan terhadap faktor motivasi. Selain itu, jadual 9 menunjukkan pekali regresi berganda antara pemboleh ubah faktor motivasi dengan pemboleh ubah bebas kerjaya. Nilai beta ( $\beta = .843$ ) antara dua pemboleh ubah ini menunjukkan terdapat hubungan dan signifikan antara satu sama lain.

Jadual 8: ANOVA faktor motivasi kesukarelawan dengan pemboleh ubah kerjaya

Model	Jumlah Kuasa Dua	df	Min Kuasa Dua	F	Sig.
Regresi	19599.605	1	19599.605	325.180	.000
Ralat	7956.044	132	60.273		
Jumlah	27555.649	133			

Jadual 9: Pekali regresi berganda faktor motivasi kesukarelawan dengan pemboleh ubah kerjaya

Model	Pekali Tidak Terpiawai		Pekali Piawai	t	Sig.
	$\beta$	Std. Error	Beta		
<b>1(Pemalar) Kerjaya</b>	36.063	4.961	.843	7.269	.000
	4.307	.239		18.033	.000

### 3.3.1.4 Sosial

Berdasarkan jadual 10, analisis variasi (ANOVA) menunjukkan antara pemboleh ubah bersandar dengan pemboleh ubah bebas sosial. Nilai signifikan menunjukkan ( $p = 0.000$ ) pemboleh ubah sosial ini memberi kesan terhadap faktor motivasi. Selain itu, jadual 11 menunjukkan pekali regresi berganda antara pemboleh ubah faktor motivasi dengan pemboleh ubah bebas sosial. Nilai beta ( $\beta = .710$ ) antara dua pemboleh ubah ini menunjukkan terdapat hubungan dan signifikan antara satu sama lain.

Jadual 10: ANOVA faktor motivasi kesukarelawan dengan pemboleh ubah sosial

Model	Jumlah Kuasa Dua	df	Min Kuasa Dua	F	Sig.
Regresi	13905.098	1	13905.098	134.461	.000
Ralat	13650.551	132	103.413		
Jumlah	27555.649	133			

Jadual 11: Pekali regresi berganda faktor motivasi kesukarelawan dengan pemboleh ubah sosial

Model	Pekali Tidak Terpiawai		Pekali Piawai Beta	t	Sig.
	$\beta$	Std. Error			
1(Pemalar)	48.218	6.655		7.246	.000
Sosial	3.714	.320	.710	11.596	.000

### 3.3.1.5 Perlindungan

Berdasarkan jadual 12, analisis variasi (ANOVA) menunjukkan antara pemboleh ubah bersandar dengan pemboleh ubah bebas perlindungan. Nilai signifikan menunjukkan ( $p = 0.000$ ) pemboleh ubah perlindungan ini memberi kesan terhadap faktor motivasi. Selain itu, jadual 13 menunjukkan pekali regresi berganda antara pemboleh ubah faktor motivasi dengan pemboleh ubah bebas perlindungan. Nilai beta ( $\beta = .710$ ) antara dua pemboleh ubah ini menunjukkan terdapat hubungan dan signifikan antara satu sama lain.

Jadual 12: ANOVA faktor motivasi kesukarelawan dengan pemboleh ubah perlindungan

Model	Jumlah Kuasa Dua	df	Min Kuasa Dua	F	Sig.
Regresi	18387.856	1	69.453	264.753	.000
Ralat	9167.793	132	103.413		
Jumlah	27555.649	133			

Jadual 13: Pekali regresi berganda faktor motivasi kesukarelawan dengan pemboleh ubah perlindungan

Model	Pekali Tidak Terpiawai		Pekali Piawai Beta	t	Sig.
	$\beta$	Std. Error			
1(Pemalar)	47.250	4.815		9.814	.000
Perlindungan	3.890	.239	.817	16.271	.000

### 3.3.1.6 Peningkatan Diri

Berdasarkan jadual 14, menunjukkan analisis variasi (ANOVA) antara pemboleh ubah bersandar dengan pemboleh ubah bebas peningkatan diri. Nilai signifikan menunjukkan ( $p = 0.000$ ) pemboleh ubah peningkatan diri ini memberi kesan terhadap faktor motivasi. Selain itu, jadual 15 menunjukkan pekali regresi berganda antara pemboleh ubah faktor motivasi dengan pemboleh ubah bebas peningkatan diri. Nilai beta ( $\beta = .704$ ) antara dua pemboleh ubah ini menunjukkan terdapat hubungan dan signifikan antara satu sama lain.



Jadual 14: ANOVA faktor motivasi kesukarelawan dengan pemboleh ubah peningkatan diri

Model	Jumlah Kuasa Dua	df	Min Kuasa Dua	F	Sig.
Regresi	13649.913	1	13649.913	129.572	.000
Ralat	13905.736	132	105.346		
Jumlah	27555.649	133			

Jadual 15: Pekali regresi berganda faktor motivasi kesukarelawan dengan pemboleh ubah peningkatan diri

Model	Pekali Tidak Terpiawai		Pekali Piawai	t	Sig.
	$\beta$	Std. Error	Beta		
1(Pemalar)	74.987	4.457		16.824	.000
Peningkatan Diri	2.347	.206	.704	11.383	.000

### 3.3.2 Kesan Motivasi Kesukarelawan

#### 3.3.2.1 Nilai

Berdasarkan jadual 16, analisis variasi (ANOVA) menunjukkan antara pemboleh ubah bersandar dengan pemboleh ubah bebas nilai. Nilai signifikan menunjukkan ( $p = 0.000$ ) pemboleh ubah nilai ini memberi kesan terhadap kesan motivasi. Selain itu, jadual 17 menunjukkan pekali regresi berganda antara pemboleh ubah kesan motivasi dengan pemboleh ubah bebas nilai. Nilai beta ( $\beta = .734$ ) antara dua pemboleh ubah ini menunjukkan terdapat hubungan dan signifikan antara satu sama lain.

Jadual 16: ANOVA kesan motivasi kesukarelawan dengan pemboleh ubah nilai

Model	Jumlah Kuasa Dua	df	Min Kuasa Dua	F	Sig.
Regresi	4746.465	1	4746.465	130.707	.000
Ralat	4067.158	112	36.314		
Jumlah	8813.623	113			

Jadual 17: Pekali regresi berganda kesan motivasi kesukarelawan dengan pemboleh ubah nilai

	Pekali Tidak Terpiawai		Pekali Piawai	t	Sig.
	$\beta$	Std. Error	Beta		
1(Pemalar)	28.952	3.858		7.504	.000
Nilai	5.275	.461	.734	11.433	.000

### 3.3.2.2 Kefahaman

Berdasarkan jadual 18, analisis variasi (ANOVA) menunjukkan antara pemboleh ubah bersandar dengan pemboleh ubah bebas kefahaman. Nilai signifikan menunjukkan ( $p = 0.000$ ) pemboleh ubah nilai ini memberi kesan terhadap kesan motivasi. Selain itu, jadual 19 menunjukkan pekali regresi berganda antara pemboleh ubah kesan motivasi dengan pemboleh ubah bebas kefahaman. Nilai beta ( $\beta = .801$ ) antara dua pemboleh ubah ini menunjukkan terdapat hubungan dan signifikan antara satu sama lain.

Jadual 18: ANOVA kesan motivasi kesukarelawan dengan pemboleh ubah kefahaman

Model	Jumlah Kuasa Dua	df	Min Kuasa Dua	F	Sig.
Regresi	5660.973	1	5660.973	201.110	.000
Ralat	3152.650	112	28.149		
Jumlah	8813.623	113			

Jadual 19: Pekali regresi berganda kesan motivasi kesukarelawan dengan pemboleh ubah kefahaman

Model	Pekali Tidak Terpiawai		Pekali Piawai	t	Sig.
	$\beta$	Std. Error	Beta		
1(Pemalar)	28.569	3.144		9.088	.000
Kefahaman	5.361	.378	.801	14.181	.000

### 3.3.2.3 Kerjaya

Berdasarkan jadual 20, menunjukkan analisis variasi (ANOVA) antara pemboleh ubah bersandar dengan pemboleh ubah bebas kerjaya. Nilai signifikan menunjukkan ( $p = 0.000$ ) pemboleh ubah nilai ini memberi kesan terhadap kesan motivasi. Selain itu, jadual 21 menunjukkan pekali regresi berganda antara pemboleh ubah kesan motivasi dengan pemboleh ubah bebas kerjaya. Nilai beta ( $\beta = .734$ ) antara dua pemboleh ubah ini menunjukkan terdapat hubungan dan signifikan antara satu sama lain.

Jadual 20: ANOVA kesan motivasi kesukarelawan dengan pemboleh ubah kerjaya

Model	Jumlah Kuasa Dua	df	Min Kuasa Dua	F	Sig.
Regresi	4742.398	1	4742.398	130.464	.000
Ralat	4071.225	112	36.350		
Jumlah	8813.623	113			

Jadual 21: Pekali regresi berganda kesan motivasi kesukarelawan dengan pemboleh ubah kerjaya

Model	Pekali Tidak Terpiawai		Pekali Piawai	t	Sig.
	$\beta$	Std. Error	Beta		
<b>1(Pemalar)</b>	27.616	3.978		6.943	.000
<b>Kerjaya</b>	5.442	.476	.734	11.422	.000

### 3.3.2.4 Sosial

Berdasarkan jadual 22, menunjukkan analisis variasi (ANOVA) antara pemboleh ubah bersandar dengan pemboleh ubah bebas sosial. Nilai signifikan menunjukkan ( $p = 0.000$ ) pemboleh ubah nilai ini memberi kesan terhadap kesan motivasi. Selain itu, jadual 23 menunjukkan pekali regresi berganda antara pemboleh ubah kesan motivasi dengan pemboleh ubah bebas sosial. Nilai beta ( $\beta = .674$ ) antara dua pemboleh ubah ini menunjukkan terdapat hubungan dan signifikan antara satu sama lain.

Jadual 22: ANOVA kesan motivasi kesukarelawan dengan pemboleh ubah sosial

Model	Jumlah Kuasa Dua	df	Min Kuasa Dua	F	Sig.
<b>Regresi</b>	4002.619	1	4002.619	93.181	.000
<b>Ralat</b>	4811.004	112	42.955		
<b>Jumlah</b>	8813.623	113			

Jadual 23: Pekali regresi berganda kesan motivasi kesukarelawan dengan pemboleh ubah sosial

Model	Pekali Tidak Terpiawai		Pekali Piawai	t	Sig.
	$\beta$	Std. Error	Beta		
<b>1(Pemalar)</b>	24.630	5.006		4.920	.000
<b>Sosial</b>	5.677	.588	.674	9.653	.000

### 3.3.2.5 Perlindungan

Berdasarkan jadual 24, analisis variasi (ANOVA) menunjukkan antara pemboleh ubah bersandar dengan pemboleh ubah bebas perlindungan. Nilai signifikan menunjukkan ( $p = 0.000$ ) pemboleh ubah nilai ini memberi kesan terhadap kesan motivasi. Selain itu, jadual 25 menunjukkan pekali regresi berganda antara pemboleh ubah kesan motivasi dengan pemboleh ubah bebas perlindungan. Nilai beta ( $\beta = .810$ ) antara dua pemboleh ubah ini menunjukkan terdapat hubungan dan signifikan antara satu sama lain.

Jadual 24: ANOVA kesan motivasi kesukarelawan dengan pemboleh ubah perlindungan

Model	Jumlah Kuasa Dua	df	Min Kuasa Dua	F	Sig.
Regresi	5788.050	1	5788.050	222.596	.000
Ralat	3025.573	112	27.014		
Jumlah	8813.623	113			

Jadual 25: Pekali regresi berganda kesan motivasi kesukarelawan dengan pemboleh ubah perlindungan

Model	Pekali Tidak Terpiawai		Pekali Piawai	t	Sig.
	$\beta$	Std. Error	Beta		
1(Pemalar)	23.443	3.393		6.910	.000
Perlindungan	6.018	.411	.810	14.638	.000

### 3.3.2.6 Peningkatan Diri

Berdasarkan jadual 26, menunjukkan analisis variasi (ANOVA) antara pemboleh ubah bersandar dengan pemboleh ubah bebas peningkatan diri. Nilai signifikan menunjukkan ( $p = 0.000$ ) pemboleh ubah nilai ini memberi kesan terhadap kesan motivasi. Selain itu, jadual 27 menunjukkan pekali regresi berganda antara pemboleh ubah kesan motivasi dengan pemboleh ubah bebas peningkatan diri. Nilai beta ( $\beta = .816$ ) antara dua pemboleh ubah ini menunjukkan terdapat hubungan dan signifikan antara satu sama lain.

Jadual 26: ANOVA kesan motivasi kesukarelawan dengan pemboleh ubah peningkatan diri

Model	Jumlah Kuasa Dua	df	Min Kuasa Dua	F	Sig.
Regresi	5863.420	1	5863.420	222.596	.000
Ralat	2950.203	112	26.341		
Jumlah	8813.623	113			

Jadual 27: Pekali regresi berganda kesan motivasi kesukarelawan dengan pemboleh ubah peningkatan diri

Model	Pekali Tidak Terpiawai		Pekali Piawai	t	Sig.
	$\beta$	Std. Error	Beta		
1(Pemalar)	33.115	2.689		12.315	.000
Peningkatan Diri	4.967	.333	.816	14.920	.000

### 3.3.2.7 Kepuasan

Berdasarkan jadual 28, analisis variasi (ANOVA) menunjukkan antara pemboleh ubah bersandar dengan pemboleh ubah bebas kepuasan. Nilai signifikan menunjukkan ( $p = 0.000$ ) pemboleh ubah nilai ini memberi kesan terhadap kesan motivasi. Selain itu, jadual 29 menunjukkan pekali regresi berganda antara pemboleh ubah kesan motivasi dengan pemboleh ubah bebas kepuasan. Nilai beta ( $\beta = .759$ ) antara dua pemboleh ubah ini menunjukkan terdapat hubungan dan signifikan antara satu sama lain.

Jadual 28: ANOVA kesan motivasi kesukarelawan dengan pemboleh ubah kepuasan

Model	Jumlah Kuasa Dua	df	Min Kuasa Dua	F	Sig.
Regresi	5076.473	1	5076.473	152.139	.000
Ralat	3737.149	112	33.367		
Jumlah	8813.623	113			

Jadual 29: Pekali regresi berganda kesan motivasi kesukarelawan dengan pemboleh ubah kepuasan

Model	Pekali Tidak Terpiawai		Pekali Piawai	t	Sig.
	$\beta$	Std. Error	Beta		
1(Pemalar)	17.165	4.526		3.793	.000
Kepuasan	4.351	.353	.759	12.334	.000

### 3.3.2.8 Niat Jangka Panjang

Berdasarkan jadual 30, menunjukkan analisis variasi (ANOVA) antara pemboleh ubah bersandar dengan pemboleh ubah bebas niat jangka panjang. Nilai signifikan menunjukkan ( $p = 0.000$ ) pemboleh ubah nilai ini memberi kesan terhadap kesan motivasi. Selain itu, jadual 31 menunjukkan pekali regresi berganda antara pemboleh ubah kesan motivasi dengan pemboleh ubah bebas niat jangka panjang. Nilai beta ( $\beta = .746$ ) antara dua pemboleh ubah ini menunjukkan terdapat hubungan dan signifikan antara satu sama lain.

Jadual 30: ANOVA kesan motivasi kesukarelawan dengan pemboleh ubah niat jangka panjang

Model	Jumlah Kuasa Dua	df	Min Kuasa Dua	F	Sig.
Regresi	4911.136	1	4911.136	152.139	.000
Ralat	3902.487	112	34.844		
Jumlah	8813.623	113			

Jadual 31: Pekali regresi berganda kesan motivasi kesukarelawan dengan pemboleh ubah niat jangka panjang

Model	Pekali Tidak Terpiawai		Pekali Piawai	t	Sig.
	$\beta$	Std. Error	Beta		
1(Pemalar)	46.336	2.279		20.330	.000
Niat Jangka Panjang	2.490	.210	.746	11.872	.000

#### 4. Perbincangan

Dari hasil kajian, dengan menggunakan model yang dikembangkan berdasarkan pendekatan Inventori Fungsi Sukarelawan (VFI) yang telah dibangunkan oleh Clary, Snyder, dan Ridge bertujuan untuk menilai faktor motivasi sukarelawan menyertai aktiviti sukarelawan (Chacon *et al.*, 2017), menunjukkan bahawa faktor dan kesan motivasi menyertai PISPA paling dominan ialah kerjaya dan peningkatan diri. Ianya selari dengan kajian yang dijalankan oleh Yusoff *et.al.*, (2018) dan Abdullah (2001) berpendapat bahawa penglibatan dalam kesukarelawanan membuka peluang kepada golongan belia untuk mengembangkan potensi diri seperti peningkatan diri serta membantu untuk mengembangkan peluang dalam bidang kerjaya. Analisis kuantitatif mendapati terdapat enam elemen faktor motivasi kesukarelawan (nilai, kefahaman, kerjaya, sosial, perlindungan dan peningkatan diri) dan lapan elemen kesan motivasi (nilai, kefahaman, kerjaya, sosial, perlindungan, peningkatan diri, kepuasan dan niat jangka panjang) yang dapat dibentuk sepanjang menyertai badan beruniform ke arah memupuk semangat kesukarelawan melalui penglibatan aktiviti PISPA dalam kalangan pelajar kolej komuniti. Hasil kajian ini selaras dengan teori fungsional yang digariskan oleh (Clary *et. al.*, 1998) yang membincangkan bahawa kesukarelawan adalah satu proses dan kesukarelawan merupakan adalah hasil daripada motivasi individu. Keadaan ini merujuk kepada sejauhmana aktiviti sukarela itu bertepatan dengan motivasi individu seterusnya ianya mendorong perasaan kepuasan dan lebih seronok dengan perkhidmatan mereka serta berkecenderungan untuk berkhidmat atau terlibat dengan aktiviti sukarela (Clary *et. al.*, 1998). Kajian ini telah membuktikan bahawa penyertaan pelajar dalam badan beruniform dapat membentuk semangat kesukarelawan dalam kalangan diri mereka berdasarkan elemen elemen kesukarelawan yang telah dikaji.

#### 5. Kesimpulan

Aktiviti sukarelawan amat penting dalam kalangan pelajar IPT bagi meningkatkan nilai sahsiah dan kemahiran insaniah. Kajian ini telah membuktikan bahawa aktiviti sukarelawan memberi banyak kebaikan dan peluang kepada pelajar kolej komuniti dan kesukarelawanan wajar diangkat sebagai budaya hidup dalam kalangan pelajar IPT. ini kerana kesukarelawanan dilihat sebagai satu bentuk amalan sosial yang berupaya menghubungkan individu dengan individu yang ingin melakukan sesuatu yang memanfaatkan manusia dan makhluk lain (Alias & Balakrishnan 2017). Keputusan kajian menunjukkan faktor motivasi pelajar menyertai badan beruniform PISPA adalah kerana faktor nilai, kefahaman, kerjaya, sosial, peningkatan diri dan juga perlindungan. Kerjaya merupakan faktor utama pelajar menyertai aktiviti kesukarelawanan. Hal ini menunjukkan pada masa kini akademik bukanlah semata-mata menjadi ukuran dalam peluang kerjaya

malah aktiviti kokurikulum juga memainkan peranan yang penting. Menurut kajian Fadzil dan Ahmad (2010), pendidikan yang seimbang dan sempurna adalah dengan menitik beratkan kedua-dua aspek iaitu kurikulum dan kokurikulum. Kesan nilai, kefahaman, kerjaya, sosial, peningkatan diri, perlindungan, kepuasan dan niat jangka panjang memberi kesan motivasi kepada pelajar yang menyertai PISPA di kolej komuniti. Kesan yang paling dominan adalah peningkatan diri. Ini membuktikan, aktiviti kesukarelawan telah memberi kesan yang positif kepada pelajar yang menyertainya. Menurut kajian Musitar *et al* (2014), hasil kajian menunjukkan pelajar menilai diri mereka secara positif melalui perubahan tahap penilaian sendiri setelah menyertai aktiviti kokurikulum. Oleh itu, seluruh institusi di Malaysia perlulah menyarankan pelajar-pelajar IPT agar melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti sukarelawan bagi membentuk jati diri dalam menjadi individu yang sentiasa bersedia menghadapi setiap cabaran dan rintangan pada masa akan datang. Daripada hasil kajian ini memberi implikasi ke arah keperluan perancangan program sukarelawan dan khidmat masyarakat yang lebih strategik oleh pihak pentadbir PISPA di Kolej Komuniti bagi memupuk semangat kesukarelawanan yang tinggi dalam kalangan mahasiswa.

## Rujukan

Abdullah, S. A. (2010). Amalan Kemahiran Generik Dalam Pembelajaran Di Kalangan Pelajar Tahun Empat Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia.

Ahmad, A. A., & Esa, A. (2010). Penerapan kemahiran insaniah di Pusat Giat Mara (PGM): Satu analisis perbandingan. dlm. Esa, A. & Mustafa, M. Z. (Ed). Kemahiran insaniah: kajian di Institusi-institusi Pengajian. Batu Pahat: Penerbit UTHM. ms. 1 – 19.

Alias, A. M., & Balakrishnan, V. (2017). Impak Kesukarelawanan Dalam Kalangan Belia Di Kuala Lumpur: Satu Kajian. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 3(4), 25-43.

Clary, E. G., Snyder, M., Ridge, R. D., Copeland, J., Stukas, A. A., Haugen, J., & Miene, P. (1998). Understanding and assessing the motivations of volunteers: A functional approach. *Journal of Personality and Social Psychology*, 74(6), 15-16.

Chacón, F., Gutiérrez, G., Sauto, V., Vecina, M. L., Pérez, A. (2017). Volunteer Functions Inventory: A systematic review. *Psicothema*. Vol. 29, No. 3, 306-316

Esa, A., Yunos J. M., Kaprawi, N. (2004). Peranan kokurikulum dalam pembangunan kemahiran generik. *Jurnal Sains Sosial*. 2(1), 81-94.

Fadzil, N. S. H. & Ahmad, J. (2010). Kepentingan kokurikulum dalam pendidikan di sekolah menengah. *Proceedings of The 4th International Conference on Teacher Education*.

Kamis, A. (1993). Aktiviti kokurikulum dasar KBSM: Ke arah kemantapan insan seimbang. Kurikulum bersepadu sekolah menengah: Pandangan dan maklum balas. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Musitar, F. N., Ibrahim, H., Hashim, A. H. M., Zainuddin, Z. A. (2014). Penilaian sendiri pelajar terhadap kemahiran generik melalui penglibatan dalam aktiviti kokurikulum badan beruniform. *Konvensyen Antarabangsa Jiwa Pendidik*.

Puteh, S. (2004). Pengurusan Kokurikulum. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

Abdullah, S. (2001). Gerakan kesukarelaan menjana perubahan bermakna. Kuala Lumpur: Majlis Belia Malaysia.

Tahir, L. M. & Othman, O. (2010). Keperluan Aktiviti Kokurikulum (Beruniform) Kepada Pelajar Tingkatan Empat Di Sekolah Menengah Kebangsaan Di Daerah Langkawi. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana.

Yusof, H. M., Baharum, N. A., Daud, N. A. M., Ahmad, N., & Saad, F. M. (2018). Penglibatan Belia dalam Aktiviti Sukarelawan Malaysia. *Malaysian Journal of Youth Studies*. Jilid 18. 81-92 . Issn 2180-1649 2018.